



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

8 SEPTEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **2,067 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **165,439 kes**.

2 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

3 **Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah**

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes positif COVID-19 Sabah mencatatkan penurunan sebanyak (-40) kes namun masih lagi dalam julat melepasi angka (2,000) kes iaitu sebanyak (2,067) kes pada hari ini.

- b. Kota Kinabalu mencatatkan peningkatan (+65) kes setelah mencatatkan penurunan semalam, tetapi kes di kawasan perbandaran lain seperti Sandakan, Penampang dan Keningau mencatatkan penurunan kecuali Tuaran dan Kudat. Daerah lain juga mencatat penurunan kes kecuali Kota Belud (+32) kes, Kinabatangan (+20) kes, Tongod (+57) kes, Pitas (+15) kes, Beluran (+6) kes, Kunak (+3) kes, Semporna (+1) kes dan Kuala Penyu (+4) kes.
- c. Daripada (2,067) kes hari ini, 34.93% atau (722) kes adalah lewat daftar antara 2 hingga 3 hari selepas tarikh keluar keputusan, 4.55% atau (94) kes adalah lewat daftar antara 4 hingga 5 hari dan 5.85% atau (121) kes adalah lewat daftar melebihi 5 hari.
- d. Saringan Kontak Rapat kekal penyumbang utama kepada kes harian dengan (1,086) kes atau 52.40% daripada (2,067) kes hari ini, (646) kes atau 31.3% daripada Saringan Bergejala iaitu peratusan yang rendah berbanding semalam dan (152) kes atau 7.5% daripada Saringan Kluster.
- e. Di Kota Kinabalu, 31.7% daripada kes daerah tersebut hari ini berpunca daripada Saringan Bergejala, Sandakan 22.9%, Tawau 56.1% dan Penampang 46.2%.
- f. Daripada (2,067) kes yang dicatat hari ini, (642) kes atau 31.06% adalah dalam Kategori 1, (1,355) kes atau 65.55% dalam Kategori 2, sembilan (9) kes dalam Kategori 3, enam (6) kes dalam Kategori 4 dan empat (4) dalam kategori 5.
- g. Setakat 06 September 2021 berdasarkan statistik CITF Negeri Sabah (dengan mengambilkira jumlah penduduk dewasa layak divaksin seramai 2,758,400 orang), seramai 1,312,824 atau 47.59% penduduk dewasa negeri Sabah telah pun memperolehi vaksin lengkap dan 1,791,183 atau 64.94% telah memperoleh satu dos.
- h. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (1,086) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	152	7.50%
2	Bergejala	646	31.30%
3	Kontak	1,086	52.40%
4	Bersasar	3	0.10%
5	Lain-lain	180	8.70%
JUMLAH		2,067	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (07 September 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 07/09/2021	Catatan Kes 08/09/2021	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	282	347	+65
2	Tongod	16	73	+57
3	Kudat	42	78	+36
4	Kota Belud	75	107	+32
5	Kinabatangan	62	82	+20
6	Tuaran	148	163	+15
7	Pitas	22	37	+15
8	Beluran	30	36	+6
9	Kuala Penyu	0	4	+4
10	Kunak	28	31	+3
11	Semporna	18	19	+1
12	Penampang	167	106	-61
13	Telupid	93	39	-54
14	Kota Marudu	75	48	-27
15	Papar	95	70	-25
16	Lahad Datu	84	62	-22
17	Ranau	59	37	-22
18	Tawau	128	107	-21
19	Putatan	80	61	-19
20	Nabawan	45	32	-13
21	Tenom	31	22	-9
22	Beaufort	39	32	-7
23	Kalabakan	22	16	-6
24	Sipitang	15	12	-3
25	Sandakan	308	306	-2
26	Tambunan	20	18	-2
27	Keningau	123	122	-1
JUMLAH		2,107	2,067	-40

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (25 Ogos – 07 September)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	39	177	110	0	21	347	6,641
Sandakan	16	117	70	0	103	306	4,017
Tuaran	0	120	33	1	9	163	2,781
Keningau	15	83	22	0	2	122	1,399
Tawau	0	38	60	0	9	107	2,198
Kota Belud	0	82	24	0	1	107	1,158
Penampang	0	55	49	0	2	106	3,004
Kinabatangan	63	8	9	0	2	82	1,038
Kudat	0	59	15	0	4	78	625
Tongod	10	8	55	0	0	73	394
Papar	0	37	30	0	3	70	2,127
Lahad Datu	0	15	42	2	3	62	1,245
Putatan	0	38	23	0	0	61	1,025
Kota Marudu	0	28	18	0	2	48	1,075
Telupid	0	34	5	0	0	39	775
Ranau	0	28	4	0	5	37	696
Pitas	0	27	8	0	2	37	563
Beluran	0	30	4	0	2	36	391
Nabawan	9	15	7	0	1	32	465
Beaufort	0	24	6	0	2	32	437
Kunak	0	19	12	0	0	31	326
Tenom	0	15	7	0	0	22	598
Semporna	0	1	11	0	7	19	145
Tambunan	0	16	2	0	0	18	190
Kalabakan	0	8	8	0	0	16	297
Sipitang	0	3	9	0	0	12	318
Kuala Penyu	0	1	3	0	0	4	96
JUMLAH	152	1,086	646	3	180	2,067	34,024

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Jalan Pahlawan	39
Keningau	Kluster Pagar Sebrang	15
Nabawan	Kluster Lima	3
	Kluster Sawit Simpang Batu 38	6
Sandakan	Kluster Lebu Empat	15
	Kluster Semawang	1
Tongod	Kluster Kampung Penangah	10
Kinabatangan	Kluster Koyah	61
	Kluster Sungai Pin 3	1
	Kluster Tangkuyan	1
JUMLAH		152

4 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 08 SEPTEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	2,017
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	15
Orang Dalam Tahanan /Banduan	35
Jumlah	2,067

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Johor	3
Kuala Lumpur	2
Selangor	6
Negeri Sembilan	2
WP Labuan	1
Perak	1
Jumlah	15

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	1,814
Bukan Malaysia	253
Jumlah	2,067

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	544
Belum Menerima Vaksin	543
Menerima 1 Dos	293
Lengkap 2 Dos	687
Jumlah	2,067

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	25
1 to 5	161
6 to 17	358
18 to 59	1,320
>60	203
Jumlah	2,067

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 08 September 2021)
1	Ranau	9
2	Tawau	9
3	Kota Belud	5
4	Kota Kinabalu	4
5	Kudat	4
6	Putatan	4
7	Telupid	4
8	Keningau	3
9	Papar	3
10	Penampang	3
11	Kota Marudu	2
12	Beaufort	1
13	Kinabatangan	1
14	Tongod	1
JUMLAH		53

D PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Dua (2) lokaliti di Putatan <ul style="list-style-type: none">Kampung UluKampung Pasir Putih	10 September 2021	23 September 2021

E PELANJUTAN PKPD

Berdasarkan analisa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta *trend* jangkitan COVID-19, beberapa PKPD yang akan dilanjutkan seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Kampung Lohan Ulu, Ranau	9 September 2021	Dilanjutkan dari 10 September 2021 sehingga 23 September 2021
2.	Kampung Pengalat Kecil, Papar	9 September 2021	Dilanjutkan dari 10 September 2021 sehingga 23 September 2021

F PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Dua (2) lokaliti di Tawau <ul style="list-style-type: none">Kampung Bergosong, Pulau SebatikPPR Taman Sri Apas Batu 8	13 Ogos 2021	Ditamatkan pada 9 September 2021 seperti yang dijadualkan
2.	Kampung Libang, Ranau	27 Ogos 2021	Ditamatkan pada 9 September 2021 seperti yang dijadualkan
3.	Tiga (3) lokaliti di Telupid <ul style="list-style-type: none">Kampung GadingKampung Ulu SapiLadang Melia	27 Ogos 2021	Ditamatkan pada 9 September 2021 seperti yang dijadualkan

4.	Dua (2) lokaliti di Penampang <ul style="list-style-type: none"> Beverly Hills Fasa 5 Kampung Nambazan 	27 Ogos 2021	Ditamatkan pada 9 September 2021 seperti yang dijadualkan
5.	Rancangan Batu 22 Apas, Tawau	27 Ogos 2021	Ditamatkan pada 9 September 2021 seperti yang dijadualkan
6.	Kampung Landung Ayang, Kudat	27 Ogos 2021	Ditamatkan pada 9 September 2021 seperti yang dijadualkan

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 juga, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **9,103** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,668,018 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula **25,393** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,197,208 orang.
- 5 Pada hari ini sebanyak 4,735 orang telah menerima vaksin dos tunggal Cansino menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 56,000 orang.

H BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **553,504** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 127 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 30,531 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 151 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 74 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.

- 2 Sebanyak 32 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - 14 Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka
 - Satu (1) Orang : Individu gagal Memastikan Penjarakan Fizikal
 - 13 Orang : Premis gagal Patuhi waktu Operasi
 - Tiga (3) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
 - Satu (1) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 105 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 24 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,093 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak dua (2) kompaun dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Tawau atas kesalahan pemilik premis menyediakan perkhidmatan selain menggunting rambut iaitu mencuci rambut. Sebanyak sembilan (9) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu tujuh (7) di daerah Lahad Datu, satu (1) di Tawau dan satu (1) di Kinabatangan.

- ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 473 premis perniagaan dan 830 individu di 18 kawasan. Lapan (8) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Aidil's Cafe Sadong Jaya (1 Orang), Karamunsing Warehouse, Syarikat Bumi, Karamunsing (1 Orang), Isma Enterprise Sembulan (1 Orang), IA Unisex Saloon, Hilltop (1 Orang) dan Dumpling Cafe, Lintas Plaza (1 Orang). Kesalahan individu gagal membuat imbasan suhu badan di Jalan Tun Fuad Stephens (Hadapan SICC) (1 Orang) dan berdekatan TM Unifi Sadong Jaya (1 Orang). Kesalahan individu tiada penjarakan sosial di Jalan Tun Fuad Stephens (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 288 Premis Perniagaan melibatkan 152 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 157 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 21 premis, melibatkan 13 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 171 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 13 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 135 hebahan di seluruh Sabah.

J **KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Belud	96%
2	Tuaran	96%
3	Sipitang	96%
4	Beaufort	96%
5	Kota Marudu	96%
6	Penampang	96%
7	Papar	96%
8	Keningau	96%
9	Lahad Datu	95.5%
10	Tenom	95.5%
11	Ranau	95.5%
12	Kunak	95.5%
13	Kinabatangan	95.5%
14	Beluran	95.5%
15	Sandakan	95%
16	Kudat	95%
17	Semporna	95%
18	Tawau	95%
19	Kota Kinabalu	94.5

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Nota : Terdapat beberapa data belum diterima dan akan dilengkapkan kemudian apabila telah diterima.

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**



KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

Maklumat Tambahan kepada Kenyataan Media YB Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan Menteri Kewangan II bertarikh 08 September 2021.


Sebagai tambahan kepada Kenyataan Media yang telah diedarkan pada jam 7 malam, berikut adalah data-data tambahan yang baharu diterima dari pihak KKM:

A

- 1 Sebanyak 54 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu 21 kes di Sandakan, 14 kes di Tawau, enam (6) kes di Lahad Datu, tiga (3) kes di Kota Kinabalu, dua (2) kes di Keningau dan Papar manakala Semporna, Sipitang, Ranau, Kinabatangan, Penampang dan Kunak masing-masing mencatatkan satu (1) kes. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 5,668 menjadikan jumlah kumulatif 138,076 orang. Seramai 4,983 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,720 orang di hospital, 3,191 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 72 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala sembilan (9) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 195 orang merangkumi 126 di ICU/repurposed kritikal care serta 69 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 89 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



- 4 Jumlah kapasiti katil 7,456 unit
- Hospital 1,856 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,928 unit.
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 66.83%.

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
08 SEPTEMBER 2021**